

Surat dari Hang Tuah

■ Dua pengkaji UPM temui dokumen kepada pemerintah di Jepun

Oleh Muhammad Saifi Hassan
saifi@hmetro.com.my
Serdang

Penemuan dua bukti dokumen serta satu artifak yang dipercayai mempunyai kaitan dengan ikon kepahlawanan Melayu, Laksamana Hang Tuah, sekali gus mengukuhkan lagi kewujudan tokoh berkenaan ketika era Kesultanan Melayu Melaka.

Penemuan tiga bahan sejarah primer (utama) berkenaan dibuat oleh dua pengkaji daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Prof Emeritus Dr Hashim Musa dan Dr Rohaldah Kamaruddin.

Tiga bahan primer berkenaan adalah tiga pucuk surat yang diutuskan seorang bergelar 'laksamana' kepada pemerintah kerajaan Ryukyu. Catatan Wizurai Portugis, Alfonso D'Albuquerque dan penemuan artifak keris lok sembilan.

Dr Hashim berkata, penemuan tiga bukti itu mengukuhkan lagi kewujudan Hang Tuah berdasarkan tiga surat yang ditulis wakil sultan bergelar laksamana ketika zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah pada 1480.

"Berdasarkan garis masa pemerintahan sultan berkenaan, laksamana yang dilantik pada waktu itu ialah Hang Tuah dan surat berkenaan membuktikan ia diutuskan oleh tokoh kepahlawanan Melayu itu kepada pemerintahan Kerajaan Ryukyu (Kepulauan Ryukyu, Okinawa, Jepun).

"Selain tiga pucuk surat berkenaan, artifak keris lok sembilan juga dijadikan sandaran kepada kewujudan Hang Tuah," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Beliau berkata, berdasarkan catatan Wizurai Portugis di Melaka pada 1511 turut menerangkan keperibadian seorang laksamana yang berusia 80-an dan mempunyai pengetahuan luas termasuk mempunyai ilmu kepahlawanan tinggi.

Menurutnya, catatan itu juga menjelaskan bahawa ketika penjajahan Portugis di Melaka, laksamana berkenaan berada di Singapura selain memiliki keupayaan luar biasa berbanding pahlawan lain.

"Tiga surat itu diperoleh hasil terjemahan dua tokoh akademik Jepun pada 1969 iaitu Atshu Kobata dan Mitsugu Matsuda yang bertajuk 'Hubungan Ryukyuan dengan Korea dan Negeri-negeri Asia Tenggara'.

"Kita yakin berdasarkan tiga bukti primer ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa Laksamana Hang Tuah sememangnya wujud dan ia bukan satu cerita mitos atau dongeng sastera Melayu," katanya.

“Selain tiga pucuk surat berkenaan, artifak keris lok sembilan juga dijadikan sandaran kepada kewujudan Hang Tuah”

Dr Hashim Musa



Dr Hashim menunjukkan penemuan mengenai kewujudan Hang Tuah